UUM/AA99/UM/25.07.2005/p: 26 (4)

UUM anjur Seminar Hafazan al-Quran 4 Ogos

UUM 25/7/05 26:4

ALOR STAR 24 Julai – Universiti Utara Malaysia (UUM) akan menganjurkan Seminar Hafazan al-Quran pada 4 Ogos ini bertempat di UUM bagi membudayakan celik al-Quran di kalangan masyarakat.

Seminar sehari bertemakan Satu Hari Satu Ayat al-Quran itu dikendalikan oleh Dr. Mohd. Shafei Md. Amin Al-Muqri' menggunakan kaedah Al-Huffaz.

Beliau yang merupakan pengasas kaedah sistematik Al-Huffaz, dahulunya seorang yang tidak lancar membaca al-Quran, tetapi akhirnya berjaya menghafaz al-Quran ketika berusia 30 tahun.

Mohd. Shafie kini dilantik penasihat dan perunding kepada beberapa Maahad Tahfiz di Selangor, Johor, Perak dan Kuala Lumpur.

Pengarah Pusat Islam UUM, Mohd. Diah Hamdan berkata di sini hari ini, program itu selaras dengan hasrat kerajaan membudayakan celik al-Quran terutama bagi golongan remaja, peringkat rendah, menengah dan pengajian tinggi.

Menurutnya, masalah remaja buta al-Quran dikenal pasti berpunca daripada kesan sampingan seperti sosial, pengaruh media dan kurangnya pembelajaran kitab itu sendiri.